



Headline	UniKL tidak panik yakin ubah keputusan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 May 2013	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	197,952
Page No	47	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	92 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,199
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,596



## UniKL tidak panik yakin ubah keputusan

KUALA LUMPUR - Kekalahan skuad hoki Universiti Kuala Lumpur (UniKL) pada aksi pertama suku akhir Piala TNB kelmarin bukan satu beban buat pasukan itu untuk menghadapi saingan kedua di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, hari ini.

Pada aksi suku akhir pertama kelmarin, UniKL tewas tipis 2-3 kepada Sapura yang kebanyakannya dibarisi pemain berpengalaman.

Jurulatih UniKL, Arul Selvaraj berkata, kekalahan tersebut masih membolehkannya lapang dada kerana pe-

main mempamerkan peningkatan permainan dengan baik.

“Bagi saya kita mampu untuk mengatasi defisit perlawanan pertama ini seandainya pemain lebih yakin dengan keupayaan sendiri.

“Lihat pada perlawanan pertama ini kita mampu untuk bangkit merapatkan jurang jaringan melalui pukulan sudut penalti yang baik dan saya pasti perlawanan kedua tidak memberi masalah buat kami,” kata Arul.

Pada perlawanan itu, UniKL berjaya mendapatkan dua jaringan me-

nerusi pukulan sudut penalti yang keduanya dimanfaatkan dengan baik oleh pemain muda Mohd. Noor Faez Ibrahim pada minit ke-50 dan ke-65.

Sementara itu, Arul berkata, punca utama kekalahan UniKL kepada Sapura banyak disebabkan oleh rentak permainan yang tidak begitu pantas dalam kalangan pemainnya.

“Saya fikir mungkin mereka kurang keyakinan tetapi saya yakin kita mampu mendapatkan jaringan gol pada suku akhir kedua andai beraksi corak permainan pantas,” kata Arul.